

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 16/12/2018  
Edisi / Muka Surat : Nasional / 6  
Tajuk : Aplikasi cALLme teksi KLIA dilancar


6 SEMASA!

KOSMO! AHAD 16 DISEMBER 2018

Kebajikan pemandu lebih terjamin dalam persaingan *e-hailing*, mesra pengguna

# Aplikasi cALLme teksi KLIA dilancar

Oleh MUHAMMAD AYMAN GHAFFA



ANTHONY LOKE menampal pekat pada cermin kereta pemandu limosin yang berdaftar melalui aplikasi cALLme di KLIA semalam.

**S**EPANG – Aplikasi cALLme yang dilancarkan semalam berupaya membantu pemandu teksi khususnya di Lapangan Terbang Kuala Lumpur (KLIA) ke arah satu pendekatan lebih moden sekali gus dapat bersaing dengan perkhidmatan *e-hailing* lain seperti Grab.

Kemudahan terbaharu itu adalah hasil inisiatif Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dengan kerjasama Pertubuhan Pemandu, Pengusaha Teksi/Limosin dan Kereta Sewa Malaysia (Petekma).

Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook berkata, pelancaran aplikasi cALLme berupaya memastikan kebajikan pemandu lebih terjamin ekoran persaingan

daripada perkhidmatan *e-hailing* yang lain.

“Aplikasi ini juga berupaya mengharmonikan industri *e-hailing* dan meningkatkan daya saing dalam kalangan pemandu teksi seiring dengan Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) yang bakal menjana pertumbuhan ekonomi ke arah pendigitalan yang holistik sekali gus dapat meningkatkan produktiviti,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap pada majlis perasmian Projek Aplikasi E-Hailing cALLme anjuran Angkasa dan Petekma di KLIA di sini semalam.

Hadir sama Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah dan Pengerusi Koperasi Petekma, Mohd. Syahir Abd. Aziz.

Aplikasi cALLme dibangunkan

untuk meningkatkan perkhidmatan industri teksi dan kereta sewa koperasi sedia ada.

Aplikasi itu yang boleh dimuat turun menerusi Play Store berperanan untuk mempromosi dan memperkenalkan perkhidmatan teksi konvensional kepada masyarakat melalui aplikasi tempahan elektronik.

Ia dijangka memberi impak positif kepada koperasi yang berteraskan fungsi pengangkutan.

Sementara itu, Mohd. Syahir berkata, setakat ini, sebanyak 1,600 pemandu teksi di KLIA yang sudah berdaftar untuk perkhidmatan cALLme.

Bagaimanapun jelasnya, sebagai permulaan, operasi aplikasi itu akan dilaksanakan di KLIA sebelum ia akan diperluaskan di KLIA2 dan seluruh negara pada tahun hadapan.

Perpustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA